

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 31, 2019 3:10 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM TUAN RUMAH MESYUARAT TTNCPI UA



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

31 OKTOBER 2019 / 3 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UUM TUAN RUMAH MESYUARAT TTNCPI UA



UUM ONLINE: Mesyuarat Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Universiti Awam ke-54 (04/2019) bersidang hari ini, di Bilik Mesyuarat Senat, UUM.

Antaranya dari Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Terdahulu, dalam sesi ramah mesra delegasi diraikan pada Majlis Makan Malam yang berlangsung di EDC Hotels & Resorts, semalam.

Berucap pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad, mengalu-alukan rakan-rakan TNC (P&I) dan mengucapkan selamat datang ke UUM Universiti Di Rimba Hijau.

“Setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengerusi, Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Awam, Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail kerana memilih UUM sebagai tuan rumah untuk mesyuarat kali ini sambil bertukar idea.

“Pelbagai tempat menarik untuk dikunjungi dalam aktiviti yang telah disediakan untuk mengenali UUM dengan lebih dekat,” katanya.

Hadir sama, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (RIMC) UA, Ketua Pustakawan UA, sekretariat UUM dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Dalam pada itu, delegasi turut dibawa meneroka destinasi menarik seperti Pokok Tiga Beradik, Padang Golf, Muzium Pengurusan UUM dan Restoren Tasik.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.